

Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran di Dewan Negara hari ini bahawa sebarang tindakan mogok oleh kakitangan awam berbahaya kepada negara kerana ia akan menindas rakyat.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu kerana adanya ancaman mogok dari pihak tersebutlah maka kerajaan terpaksa meringkas segala proses perundingan dengan mereka dan membentangkan perkara itu ke sidang khas Parlimen hari ini.

"Masanya sudah terlalu suntuk memandangkan ancaman untuk melancarkan mogok itu akan dilakukan pada 31 Januari ini," katanya.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan bagaimanapun tetap tidak dapat melayan tuntutan mereka itu tanpa menentukan bahawa kenaikan gaji tidak akan menghancurkan ekonomi negara.

Katanya, kerajaan ingin mengelakkan daripada berlakunya tindakan perusahaan tetapi kesan dari pelaksanaan tangga gaji yang tinggi adalah "lebih buruk terhadap negara daripada kesan sebarang tindakan perusahaan."

"Kesan belanjawan yang tidak dikawal akan menjadikan negara ini bankrup dan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang tidak sanggup menjadikan negara ini bankrup," tegasnya.

Beliau menambah "oleh itu walaupun kesatuan-kesatuan mengancam negara dengan tindakan mogok dan lain-lain, kerajaan tidak dapat melayan tuntutan mereka tanpa menentukan bahawa kenaikan gaji tidak akan menghancurkan."

Tindakan mogok bahaya kepada negara — Dr. M

DARI DEWAN NEGARA

Berucap membentangkan usul kerajaan mengenai tangga gaji baru kakitangan perkhidmatan awam, Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan tidak ada niat langsung untuk menekan mana-mana pihak.

"Kita sokong adanya kesatuan sekerja untuk melindungi kepentingan pekerja, tetapi kita tidak boleh mentadbirkan negara dengan sempurna kalau kita sentiasa diancam dengan tindakan perusahaan dan para pekerja pula di agitate supaya tidak dapat memikirkan tentang kerja tetapi tentang gaji sepanjang masa," ujar beliau.

Dalam ucapannya yang memakan masa selama hampir satu jam itu, Dr. Mahathir juga:

* Mengingatkan bahawa sebarang pertambahan perbelanjaan pengurusan kerajaan pasti akan memburukkan kedudukan kewangan negara yang mungkin mengakibatkan

kan "de facto" penurunan nilai matawang.

* Menegaskan bahawa kerajaan rela membiarkan dirinya tidak popular di kalangan kakitangan perkhidmatan awam asalkan negara tidak bankrup seperti yang berlaku disetengah negara di mana kerajaannya lebih memertingkatkan populariti dan kuasa: dan

* Mengingatkan bahawa kenaikan keterlaluan tangga gaji pasti mengakibatkan inflasi memuncak dan ini sudah tentu akan menindaskan kehidupan mereka yang tidak bergaji.

U. Dr. Mahathir berkata, kerajaan sudah tentu tidak akan menjadi bertambah kaya dengan tidak menaikkan tangga gaji kakitangannya, dan kabinet juga tidak akan mendapat keuntungan yang lebih kerana mengawal kenaikan gaji itu.

Sebaliknya, menurut beliau, kerajaan akan bertambah popular di kalangan lebih 550,000

orang kakitangannya jika ia berbuat demikian.

"Tetapi perbuatan mencari populariti dengan membelanjakan wang kerajaan, iaitu wang rakyat, secara tidak bertanggungjawab bukanlah satu perkara yang sanggup dilakukan oleh kerajaan," katanya.

"Biarlah kerajaan ini

tidak popular asalkan negara tidak menjadi bankrup seperti yang berlaku kepada beberapa negara yang kerajaannya lebih memertingkatkan populariti dan kuasa," ujar beliau.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa Suruhanjaya Ibrahim Ali ditubuhkan dulu dengan tujuan untuk membentuk tangga gaji yang sama bagi seluruh kakitangan perkhidmatan awam yang sebelum itu diliputi oleh lima tangga gaji.

Malangnya laporan suruhanjaya itu memberikan kenaikan gaji yang terlalu tinggi sehingga ada yang mendapat tambahan 100 peratus.

Oleh sebab kosnya jauh melebihi kemam-

puan, kerajaan terpaksa rujuk balik laporan itu kepada Suruhanjaya Ibrahim Ali dengan nasihat supaya kenaikan dikurangkan sekadar yang mampu.

Malangnya jawatankuasa peringkat pegawai kemudiannya mendapati anggaran yang terkandung dalam laporan yang dikaji semula itu juga tidak tepat. Angka yang diperolehi oleh jawatankuasa itu ialah \$629.65 juta, tidak termasuk tambahan gaji tentera dan polis.

Oleh kerana perbelanjaan ini juga lebih daripada yang dapat dipikul oleh kerajaan, jemaah menteri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kabinet untuk memeriksa masalah yang timbul.